

Penggantian paip baharu dijangka siap pada 2027

KERAJAAN memperuntukkan sebanyak RM68 juta bagi kerja-kerja penggantian paip baharu jenis Asbestos Cement (AC) di tiga perkampungan air di Wilayah Persekutuan Labuan.

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa berkata, cadangan projek baharu penggantian paip air sepanjang 15 kilometer itu melibatkan Kampung Patau-Patau 2, Bebuloh Laut dan Ranche-Ranche Laut yang akan dijangka bermula pada tahun 2021 dan dijangka siap pada 2027.

“Kesemua kampung itu ketika ini masih lagi mempunyai sistem bekalan air yang berkeadaan daif dan sering mengalami kebocoran,” katanya.

Annuar berkata selain kerja-kerja penggantian paip air, Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) juga sedang merangka beberapa projek yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Antara projek itu ialah penggantian paip air seluruh Labuan yang akan dilaksanakan secara berperingkat dan mengikut keutamaan serta penggantian paip air mentah dari Empangan Bukit Kuda/Kerupang ke Loji Jalan Kolam.



DIALOG: Annuar (tengah) pada Sesi Dialog Bersama Dewan-Dewan Perniagaan Labuan di Wisma Perbadanan Labuan.



TINJAU: Annuar (tiga kiri) ketika meninjau Projek Jalan Pesisir Pantai Membedai sempena lawatan tiga hari beliau ke Wilayah Persekutuan Labuan.

“Projek berkaitan sumber air juga akan dilaksanakan iaitu bagi Projek Pembinaan Off-River Storage Kinabenua termasuk Loji Air dan kerja-kerja yang berkaitan dan Projek Pembinaan Coastal Reservoir di Kampung Gang-

garak.

“Semua kerja-kerja itu adalah sebagai usaha kerajaan untuk menaik taraf infrastruktur dan kualiti bekalan air di Labuan sekali gus menyelesaikan masalah gangguan air yang kerap berlaku akibat

kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan menaik taraf pemindahan paip,” katanya.

Annuar turut meninjau beberapa tapak projek yang sedang dilaksanakan di bawah RMK11 bagi memastikan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan di wilayah ini mengikut jadual.

Beliau yang diiringi oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman mendengar taklimat daripada Ketua Polis Labuan, Superintendan Muhammad Farid Ahmad yang juga Komander Operasi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) COVID-19 di Wisma Perbadanan Labuan.

Annuar turut menghadiri Sesi Dialog Bersama Dewan-Dewan Perniagaan Labuan di Wisma Perbadanan Labuan.